

Sejuta tandatangan sokong penyu

KOSMO 13/03/08 pg. 33

JANGAN beli dan makan telur penyu serta tuntung! Bagi menanam kesedaran ini dalam kalangan rakyat Malaysia, satu kempen mengumpul sejuta tandatangan sedang berlangsung di seluruh negara mulai Februari lalu hingga Februari 2009.

Kempen selama setahun itu dianjurkan Kumpulan Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu dan Tuntung, Institut Oseanografi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Bahagian Komunikasi Korporat dan Publisiti UMT dalam satu kenyataan semalam berkata, usaha mengumpul tandatangan tersebut bertujuan membuktikan sokongan rakyat negara ini ke arah usaha memelihara spesies mamalia yang hampir pupus itu.

Katanya, amalan memakan telur haiwan tersebut semakin berleluasa ekoran sifat ingin tahu para pelancong tentang kelazatan

telur penyu dan tuntung.

Malah permintaan tinggi telah mendorong kemasukan telur-telur itu terutamanya dari Sabah dan Sarawak ke pasaran pantai Timur Semenanjung.

"Sasaran kami adalah untuk mengumpul sekurang-kurangnya sejuta tandatangan rakyat Malaysia bahawa mereka tidak akan memakan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat mereka," kata kenyataan itu kepada KOSMO!

Selain tandatangan, mesej 'Saya tidak akan memakan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat saya' boleh dihantar ke emel turtle@umt.edu.my sebagai tanda sokongan.

Katanya, sokongan terhadap kempen itu juga boleh dibuat secara dalam talian mulai hari ini ke laman web www.umt.edu.my/turtle. - FARAH DIBA JAMALUDDIN



PEMERIKSAAN kerap dilakukan di pusat penetasan telur penyu di Sandakan, Sabah.

nu mampu menjual sehingga 300 biji telur penyu. Bayangkan berapa banyak dalam sebulan?



ROF. CHAN ENG HENG (tengah) bekerja keras bagi membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan memulihara penyu dan tuntung di Malaysia.

eri tumpuan kepada spesies penyu lain yang masih inggah di pesisir pantai Terengganu sebelum spesies u turut menerima nasib malang seperti penyu be-mbing."

"Dua perkara utama yang harus dilakukan dengan

segera ialah memberhentikan aktiviti penjualan telur penyu dan diikuti dengan usaha menganjurkan program pendidikan serta kesedaran dalam kalangan orang awam," ujarnya yang mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang kajian dan

penyelidikan penyu.

Tinjauan KOSMO! di Pasar Besar Eedai Payang di Kuala Terengganu yang terletak berbampiran dengan Sungai Terengganu menunjukkan penjualan telur penyu masih berlehiasa.

Pekan ini menjadi medan penting bagi penggemar telur penyu mendapatkan bekalan yang bergantung pada musim dan permintaan pelanggan.

Telur penyu yang sebesar bola ping pong boleh mencecah sehingga RM20 bagi 10 biji. Kalau tiba musim penyu bertehir, banyak lagi telur dijual. Tidak hairanlah dikatakan dalam sehari, ada pekedai dapat menjual sehingga 300 biji telur. Ia dijual secara terbuka dan diletakkan gred bagi memudahkan pembeli termasuk pelancong luar membuat pilihan.

Bagi membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap krisis ini, Prof. Chan dan rakan seperjuangannya telah menganjurkan sebuah kempen yang bertujuan untuk mengumpul sejuta tandatangan dari rakyat Malaysia yang prihatin terhadap nasib penyu dari seluruh negara.

Seorang peniaga yang sudah 10 tahun berdagang telur penyu berkata, telur penyu yang dibawa dari Sabah dan Indonesia Hihahagflran kepada dua jenis iaitu telur penyu mentah (RM1.60 sebiji) manakala telur penyu masin dijual pada harga RM2 sebiji.

Mengulas lanjut, Prof. Chan menjelaskan UMT berjaya menyelamatkan 442,249 telur penyu agar dan 11,342 telur penyu karah sejak program pemuliharaan penyu dijalankan di Chagar Hutang, Pulau Redang pada 1993.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 352^59 anak penyu agar dan 7,331 anak penyu karah berjaya ditetas dengan pencapaian keseluruhan berada pada tahap 80 peratus penetasan.

Begitupun, jangan berasa puas kerana kejayaan sebenar hanya dapat diketahui dalam tempoh kir a-kira 15 tahun akan datang.

Ini kerana secara dasarnya, penyu memerlukan masa hampir 30 tahun untuk menjadi matang dan kembali semula ke Chagar Hutang.